

KEINDAHAN “BAHASA DALAM” MELAYU BRUNEI

MEMPERKUKUH KEHARMONIAN BERNEGARA

Pengiran Dr. Hidop Pengiran Haji Samsudin

(Brunei Darussalam)

Abstrak

Kertas kerja ini akan menghuraikan mengenai keindahan-keindahan yang dimiliki dalam “Bahasa Dalam” sebagai satu antara beberapa dialek yang sangat dikenali oleh masyarakat Melayu Brunei. Pemakalah juga akan menjelaskan stratifikasi (susun lapis) bangsa Melayu Brunei dari peringkat golongan yang dikenali sebagai kerabat Diraja hingga kepada orang kebanyakan (rakyat biasa), di samping menghuraikan struktur Pembesar Negara yang mengandungi Pembesar Diraja dan Pembesar Kerajaan. Pemakalah akan memperlihatkan bagaimana “Bahasa Dalam” amat berperanan dalam mewujudkan hubungan yang saling memahami, saling menghormati, dan keadaan ini seterusnya dapat menjamin ketenteraman dan keamanan, serta mewujudkan hidup bernegara yang harmoni. Keharmonian adalah kunci kepada kemajuan dan pembangunan sesebuah negara.

Kata kunci: Bahasa Dalam, stratifikasi bangsa Melayu, mewujudkan hidup bernegara yang harmoni

1. Pendahuluan

Masyarakat Melayu Brunei yang menjadi rakyat jati Negara Brunei Darussalam terdiri daripada tujuh (7) puak (etnik) yang dikenali sebagai Melayu Brunei, Melayu Belait, Melayu Bisaya, Melayu Dusun, Melayu Kedayan, Melayu Murut, dan Melayu Tutong. Setiap puak memiliki keaslian adat, budaya, dan bahasa masing-masing. Mengikut perangkaan yang dikeluarkan pada tahun 2014, jumlah bangsa Melayu Brunei adalah seramai 271,100, iaitu kira-kira 66% daripada keseluruhan penduduk yang berjumlah 411,900 orang (Kerajaan Brunei:2014). Majoriti puak tersebut ialah puak Melayu Brunei yang juga merupakan masyarakat induk di Negara Brunei Darussalam.

Selaku masyarakat induk, budaya, dan adat istiadat yang diamalkan adalah diterima sebagai identiti negara ini. Demikian juga dengan bahasa Melayu Brunei, iaitu bahasa perantaraan bagi puak-puak dan penduduk negara ini. Malah, berdasarkan kepada peratus persamaan (kognatif) yang tinggi dengan bahasa Melayu, bahasa Melayu Brunei adalah salah satu dialek bahasa Melayu. Dengan kedudukan ini, bahasa Melayu telah menjadi bahasa rasmi Negara Brunei Darussalam sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan Negeri Brunei tahun 1959 (Kerajaan Brunei:1959). Sungguhpun menjadi salah satu dialek kepada bahasa Melayu, bahasa Melayu Brunei juga memiliki subdialek tersendiri yang dikenali sebagai “Bahasa Dalam”. Dalam konteks negara ini, “Bahasa Dalam” sangat berperanan dalam mewujudkan kerharmonian bernegara.

2. “Bahasa Dalam” Melayu Brunei

“Bahasa Dalam” yang menjadi subdialek bahasa Melayu Brunei juga dikenali sebagai *Bahasa Raja-Raja* atau *Bahasa Istana*. Sebagai Bahasa Raja-Raja, bahasa ini juga digunakan apabila bercakap atau berbual dengan kerabat diraja, Pengiran-Pengiran, atau Pembesar Diraja (orang-orang bergelar) kerana gelaran itu adalah satu kurnia dari sultan kepada orang-orang tertentu sebagai Bahasa Istana kerana ia menjadi bahasa percakapan apabila berada di istana.

“Bahasa Dalam” tidak kesemuanya menggunakan kosa-kosa kata khusus tetapi juga menggunakan kata-kata kiasan yang berasaskan kepada kata-kata Melayu Brunei. Sebahagiannya juga menggunakan kata-kata biasa akan tetapi dilihat sebagai “Bahasa Dalam” kerana diucapkan dengan intonasi yang lembut dan menurun.

Dalam kehidupan harian, sesiapa juga yang terlibat dalam sesuatu perbualan akan secara spontan mengubah gaya bahasanya kepada “Bahasa Dalam” apabila menyedari salah seorang daripada yang turut serta dalam perbualan itu adalah kerabat diraja atau Pengiran-Pengiran atau orang-orang yang dikurniai gelaran.

3. Lapisan Puak Melayu Brunei

Puak Melayu Brunei yang menuturkan bahasa Melayu Brunei terdiri daripada beberapa lapisan yang dikenali sebagai *Kerabat Diraja*, *Keturunan Raja*, *Ampuan*, *Awang-Awang*, dan *Orang Kebanyakan*. Adapun penentuan keturunan, sepertimana yang ditetapkan oleh *hukum syarak* adalah berdasarkan kepada takrif sebelah bapa (ayah). Jika seorang Pengiran perempuan bersuamikan seorang Awang-Awang, maka anaknya akan digelar *Awang* (jika lelaki) dan *Dayang* (jika perempuan). Jika dia berkahwin dengan orang kebanyakan, maka anaknya sama ada lelaki atau perempuan akan menjadi orang kebanyakan juga.

3.1 *Kerabat Diraja*

Keluarga kepada Sultan, sama ada Sultan yang sedang memerintah atau Sultan-Sultan terdahulu. Maksud keluarga adalah Permaisuri, Putera-Putera, Puteri-Puteri, dan Cucunda-Cucunda Sultan. Demikian juga dengan menantu-menantu kepada Sultan dan menantu-menantu kepada Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan juga disebut kerabat diraja jika mereka berketurunan Pengiran-Pengiran.

3.2 *Pengiran-Pengiran*

Pengiran-Pengiran adalah keturunan raja-raja Brunei yang pernah memerintah negara ini. Pengiran-Pengiran terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu pertama, *Pengiran-Pengiran Peranakan* dan kedua, *Pengiran-Pengiran Biasa*. Pengiran-Pengiran Peranakan adalah Pengiran-Pengiran yang terkandung di dalam tiris-tiris Sultan hingga ke Antah Sultan, Wazir hingga ke Piut Wazir, dan Cheteria hingga ke Cucu. Pengiran-Pengiran Biasa adalah Pengiran-Pengiran yang tiris mereka adalah selepas Antah Sultan, selepas Piut Wazir, dan selepas Cucu Cheteria. Ketentuan menjadi seorang Pengiran, sama ada Pengiran-Pengiran Peranakan atau Pengiran-Pengiran Biasa adalah dilihat daripada ayahnya. Jika ayahnya seorang Pengiran, siapapun ibunya, dia akan menjadi Pengiran. Sebaliknya, jika ibunya seorang Pengiran akan tetapi ayahnya bukan, maka dia tidak lagi dipanggil Pengiran.

3.3 Ampuan

Satu lagi masyarakat yang tergolong dalam Puak Melayu Brunei yang juga berasal daripada keturunan raja tetapi telah dititahkan menjadi Ampuan. Ampuan terbahagi kepada dua (2) peringkat iaitu pertama dikenali sebagai *Ampuan Menaras (jati)* yang dikatakan berasal daripada putera Sultan Abdul Kahar ibni Sultan Bolkiah, iaitu Sultan Brunei yang keenam. Semasa memerintah, baginda telah menabalkan putera sulungnya menjadi sultan dengan tujuan untuk membimbingnya mengenai cara melaksanakan pentadbiran negara. Bagaimanapun tidak lama setelah ditabalkan putera baginda itu lindung. Baginda kemudian menabalkan putera kedua tetapi juga lindung sebelum berpuspa. Melihat kejadian itu, putera ketiga baginda enggan untuk ditabalkan menjadi sultan. Keengganan itu telah menyebabkan Sultan Abdul Kahar *murka*¹ lalu menitahkan putera baginda itu menjadi *Ampuan*. Sebagai mentaati titah Sultan, dan setelah berkahwin serta mempunyai anak, putera Sultan Abdul Kahar tersebut terus menggunakan gelaran *Ampuan* untuk anak-anaknya. Peringkat kedua dikenali sebagai *Ampuan Biasa* dikatakan berasal daripada keturunan puteri Sultan Saiful Rizal ibni Sultan Abdul Kahar yang bersuamikan orang kebanyakan. Setelah *meluaran*², anak tersebut disebarkan oleh Pengiran Bendahara kepada Sultan, lalu Sultan Saiful Rizal menitahkan agar cucundanya itu dipanggil *Ampuan*.

¹ Murka bererti marah

² Sebutan yang digunakan apabila Isteri atau Puteri Sultan Yang Gahara atau isteri kepada Putera Sultan Yang Gahara melahirkan anak.

3.4 Awang-Awang

Berasal daripada keturunan anak-anak Pehin-Pehin Manteri. Golongan ini juga dikira sebagai masyarakat bangsawan Melayu Brunei (Hidop Samsuddin: 2009). Pada zaman dahulu apabila orang kebanyakan *disampiri*³ *gelaran* menjadi Pehin Manteri, pangkal nama anak-anak lelaki mereka akan disebut Awang, manakala bagi anak-anak perempuan pula disebut Dayang. Golongan ini terkenal dengan panggilan *Awang-Awang*. Sebutan ini juga mengikut takrif sebelah bapa. Apabila seorang *Awang-Awang* berkahwin dan mempunyai anak, anak-anak lelaki mereka akan dipanggil *Awang*, manakala anak-anak perempuan mereka pula akan dipanggil *Dayang*. Bagaimanapun apabila *Dayang-Dayang* berkahwin dan mempunyai anak, gelaran anak-anak mereka adalah bergantung kepada keturunan suami mereka.

3.5 Orang Kebanyakan

Merupakan golongan terbanyak puak Melayu Brunei. Mereka tidaklah termasuk dalam mana-mana golongan masyarakat Melayu Brunei yang dijelaskan di atas (mereka bukan dari kalangan *Pengiran*, *Ampuan*, atau *Awang-Awang*). Bagaimanapun, jika anak perempuan orang kebanyakan berkahwin dengan seorang lelaki *Pengiran*, maka anaknya akan menjadi golongan *Pengiran*. Begitu juga jika anak perempuan orang kebanyakan berkahwin dengan lelaki *Ampuan*, maka anaknya akan menjadi *Ampuan*, dan jika berkahwin dengan lelaki *Awang-Awang* pula, anaknya akan menjadi golongan *Awang-Awang*.

4. Pembesar Negara – Pembesar Diraja dan Pembesar Kerajaan

Berbeza dengan negara-negara lain di dunia, Pembesar bagi negara Brunei Darussalam terdiri daripada dua golongan yang dikenali sebagai *Pembesar Diraja* dan *Pembesar Kerajaan*. *Pembesar Diraja* adalah orang-orang yang dikurniai gelaran oleh Sultan. Sebelum adanya campur tangan British pada tahun 1906, negara ini telah ditadbir oleh *Pembesar Diraja*. Akan tetapi setelah campur tangan British, wujudlah kumpulan pegawai kerajaan yang diketuai oleh Residen British yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran dalam dan luar negara. Dengan termaktubnya perlembagaan 1959, negara ini telah mengambil alih pentadbiran kerajaan dalam

³ Bererti diberikan. Sebutan yang digunakan bagi orang kebanyakan diberikan gelaran Pehin Manteri.

negeri yang diketuai oleh Menteri Besar. Sejak kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1984, Pembesar Kerajaan adalah terdiri daripada Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan Menteri Kabinet, Duta-Duta, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha-Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan, dan Pegawai-Pegawai Kanan. *Pembesar Diraja* pada masa ini lebih merupakan sebagai lambang kebesaran sahaja kecuali bagi beberapa gelaran yang melibatkan tugas-tugas keagamaan dan yang berkaitan dengan pelaksanaan majlis-majlis beristiadat.

4.1 *Pembesar Diraja*

Pembesar Diraja terdiri daripada Wazir-Wazir, Cheteria-Cheteria, Pehin-Pehin Manteri, dan Manteri-Manteri Hulubalang. Gelaran Wazir dan Cheteria adalah dikhususkan untuk Kerabat Diraja dan Pengiran-Pengiran. Wazir lebih diutamakan untuk Putera-Putera Sultan atau Pengiran-Pengiran yang berteras⁴, manakala Cheteria untuk Pengiran-Pengiran yang berteras dan Pengiran-Pengiran. Terdapat empat (4) gelaran Wazir yang diketuai oleh Kepala Wazir dikenali sebagai *Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal Waqar*⁵. Gelaran-gelaran Wazir lainnya adalah *Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuarah, Pengiran Digadong Sahibul Mal, Pengiran Pemancha Sahibul Rae Wal Mesyuarah* dan *Pengiran Temanggong Sahibul Bahar* (Kerajaan Brunei : 2002)

Gelaran Cheteria terbahagi kepada empat bahagian iaitu Cheteria Empat, Cheteria Lapan, Cheteria Enam Belas, dan Cheteria Tiga Puluh Dua. Cheteria Empat mengandungi empat (4) gelaran yang didahului dengan gelaran Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar. Cheteria Empat ini diketuai oleh dua orang kepala Cheteria yang dikenali sebagai Pengiran Perdana Cheteria Laila Diraja Sahibun Nabalang dan Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah. Cheteria Lapan mengandungi lapan gelaran didahului oleh Pengiran Indera Mahkota, Cheteria Enam Belas mengandungi enam belas gelaran didahului oleh Pengiran Maharaja Anakda, dan Cheteria Tiga Puluh Dua mengandungi tiga puluh dua gelaran didahului oleh Pengiran Dewa Maharaja.

⁴ Kerabat Diraja, lazimnya keturunan Sultan yang tergolong dalam kumpulan Pengiran-Pengiran Pernakan yang bergelar Pengiran Anak.

⁵ Gelaran ini mula diwujudkan di zaman Pemerintahan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei yang ke 29.

Gelaran Pehin-Pehin Manteri dan Manteri-Menteri Bertauliah adalah dikhususkan untuk rakyat biasa⁶ (bukan Kerabat Diraja dan Bukan Pengiran-Pengiran). Seperti juga gelaran Wazir dan Cheteria, gelaran Pehin-Pehin Manteri juga adalah gelaran berchiri. Bagaimanapun gelaran Manteri Bertauliah hanya dikurniakan dengan pembacaan tauliah. Seperti juga gelaran Cheteria, gelaran Pehin-Pehin Manteri terdiri daripada Manteri Empat, Manteri Lapan, Manteri Enam Belas, dan Manteri Tiga Puluh Dua. Gelaran Manteri Empat didahului dengan gelaran Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja. Di atas Manteri Empat terdapat lima gelaran disebut Manteri Tambahan Di Atas Manteri Empat yang didahului oleh gelaran Pehin Orang Kaya Penggawa Laila Bentara Diraja. Sebelum gelaran Manteri Tambahan ini, terdapat gelaran Kepala Manteri Empat yang terdiri daripada Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja dan Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela. Sebagai negara yang mengutamakan agama dan adat istiadat, di atas gelaran Kepala Manteri Empat terdapat gelaran Kepala Manteri iaitu Pehin Datu Perdana Manteri dan Kepala Manteri Ugama iaitu Pehin Datu Seri Maharaja.

Gelaran Manteri Empat diikuti oleh gelaran Manteri Lapan yang didahului oleh Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja. Selepas Gelaran ini ialah gelaran Manteri Ugama Di Bawah Manteri Lapan yang didahului dengan gelaran Pehin Datu Imam. Ini diikuti pula oleh dua gelaran Manteri Tambahan Di Bawah Manteri Ugama yang didahului oleh Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja. Kemudian gelaran bagi Manteri 16 didahului oleh Pehin Orang Kaya Lela Wangsa. Seterusnya adalah gelaran Manteri 32 didahului oleh Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan. Di bawah Manteri 32 ini terdapat lagi gelaran yang dinamakan Manteri Tambahan Di Bawah Manteri 32. Manteri Tambahan ini mengandungi sebanyak 21 gelaran yang didahului oleh gelaran Pehin Datu Penglima. Selepas gelaran Manteri Tambahan ini adalah gelaran Manteri Ugama (Pehin Khatib) yang bilangannya adalah bergantung kepada keperluan dan tertakluk kepada titah Sultan. Seterusnya ialah gelaran Manteri Istana yang mengandungi lima gelaran yang didahului oleh Pehin Manteri Bini. Akhir sekali ialah gelaran Manteri Dagang

⁶ Mereka yang terkandung di dalam tujuh puak bangsa Melayu Brunei yang bukan terdiri daripada Kerabat Diraja dan Pengiran-Pengiran. Mereka ini termasuklah juga Awang-Awang dan Ampuan.

yang mengandung 24 gelaran dan didahului oleh gelaran Pehin Orang Kaya Datu Petinggi Maha Kornia Diraja.

Gelaran Manteri Bertauliah adalah terdiri daripada Manteri-Manteri Hulubalang dan Manteri-Manteri Pendalaman. Yang dimaksudkan Manteri-Manteri Hulubalang adalah gelaran-gelaran seperti Mudim, Penglima, Perwira, Hulubalang, Pahlawan, Damong, Pengarah, Ketua Juru Laki, Juru Laki, dan Juru Bini. Jumlah penyandang bagi setiap gelaran Manteri Hulubalang tertakluk kepada keperluan dan titah perkenaan Sultan. Manteri Pendalaman adalah gelaran yang bermula dengan sebutan *Datu* dan *Orang Kaya*. Selaku Manteri Pendalaman gelaran ini ditugaskan untuk semua daerah yang terdapat di Negara Brunei Darussalam. Di Daerah Brunei Muara misalnya sebanyak 17 gelaran telah diperuntukkan didahului dengan gelaran Orang Kaya Bandar, di Daerah Belait sebanyak 12 gelaran dengan didahului gelaran Orang Kaya Setia Laila, di Daerah Tutong sebanyak 18 gelaran dengan didahului oleh gelaran Datu Kornia Diraja, dan di Daerah Temburong sebanyak lapan gelaran didahului dengan gelaran Orang Kaya Maharaja Lela.

Gelaran-gelaran yang bermula daripada Cheteria, Pehin-Pehin Manteri, dan Manteri-Manteri Bertauliah adalah dicipta oleh raja-raja yang memerintah sejak dahulu lagi. Setiap gelaran ada peranan dan tanggungjawabnya yang tertentu. Sungguhpun demikian, tidaklah dipersyaratkan setiap gelaran yang ada perlu diisikan. Pengisian bagi sesuatu gelaran adalah melihat kepada keperluan semasa dan juga atas titah perkenaan Sultan.

5. Kepentingan “Bahasa Dalam”

Melihat kepada stratifikasi masyarakat, sama ada yang berperanan dalam urusan kenegaraan mahupun hanya selaku masyarakat umum, setentunya memerlukan tatacara interaksi yang bersesuaian bagi mewujudkan persefahaman dan kemesraan dalam perhubungan (Hidop Samsuddin : 2006). Melalui hubungan yang mesra dan terbaik-baik membolehkan sesuatu urusan berjalan lancar. “Bahasa Dalam” merupakan satu mekanisma yang berupaya menjalin

interaksi tutur yang mesra sama ada secara langsung atau tidak di antara sesama orang tertentu yang telah dinyatakan atau antara orang kebanyakan dengan mereka. Pemakaian “Bahasa Dalam” tidak dipandang sebagai sesuatu beban tetapi menjadi sesuatu yang digemari. Keadaan ini menjadikan interaksi antara semua golongan masyarakat menjadi mudah. “Bahasa Dalam” bukan milik orang-orang tertentu sahaja malah juga menjadi bahasa bagi semua masyarakat di negara ini. Justeru itu dalam konteks Negara Brunei Darussalam kemasyhuran “Bahasa Dalam” tidak akan berkurangan malahan semakin bertambah sejajar dengan bertambahnya penduduk di Negara Brunei Darussalam .

Adanya masyarakat yang dikenali sebagai Kerabat Diraja, Pengiran-Pengiran dan Orang-Orang yang dikurnia gelaran, telah menjadikan bangsa Melayu Brunei menyedari perlunya mereka tahu menggunakan “Bahasa Dalam”. “Bahasa Dalam” selain digunakan dalam kehidupan harian, ia juga digunakan ketika melaksanakan urusan rasmi sama ada melalui persuratan atau perhubungan secara langsung. Hal ini kerana dalam kalangan Pembesar Kerajaan terdapat Kerabat Diraja, Pengiran-Pengiran, dan mereka yang menyandang gelaran Cheteria, Pehin-Pehin Manteri, dan Manteri Bertauliah.

6. Keindahan “Bahasa Dalam”

Kewujudan golongan Kerabat Diraja dan Keturunan Raja dalam puak Melayu Brunei dan Orang-Orang yang dikurniai gelaran dalam masyarakat bangsa Melayu Brunei menjadikan pemakaian “Bahasa Dalam” Melayu Brunei tetap sehati dengan masyarakat bangsa Melayu Brunei, malah penggunaannya adalah seiring dengan dialek Melayu Brunei. Pemakaiannya bukan kerana terpaksa tetapi dilakukan dengan senang hati dan rasa bangga. Hal ini kerana “Bahasa Dalam” itu memiliki beberapa nilai keindahan yang tersendiri. Antaranya ialah:-

6.1 Bahasa Tingkat Tinggi

“Bahasa Dalam” diperlukan ketika bercakap dengan Kerabat Diraja, Keturunan Raja, dan juga orang-orang bergelar. Dalam melaksanakan urusan rasmi, sama ada melalui persuratan mahupun perjumpaan langsung, “Bahasa Dalam” juga digunakan jika pihak yang terlibat dalam urusan

berkenaan terdiri daripada orang-orang tertentu. Selain itu, dalam majlis-majlis kekeluargaan, kemasyarakatan dan kenegaraan, apatah lagi yang beradat istiadat akan kurang kesempurnaannya jika tidak menggunakan “Bahasa Dalam”. Ini kerana perkumpulan sedemikian sudah tentunya akan dihadiri oleh beberapa orang tertentu yang dimaksudkan. Memandangkan kepada kedudukan tersebut, “Bahasa Dalam” dilihat sebagai bahasa Tingkat Tinggi.

6.2 Sebagai Simbol Kemuliaan

Sebagai bahasa Kerabat Diraja, Keturunan Raja, dan Orang-Orang Bergelar, sudah tentunya juga menjadi bahasa mereka yang tinggal atau bergaul dengan kerabat diraja, keturunan raja dan orang-orang yang dikurniai gelaran. Ini menunjukkan bahawa “Bahasa Dalam” adalah kepunyaan mereka yang dihormati dan dipandang mulia oleh masyarakat yang memiliki keluhuran akal budi dan berperkerti mulia. Bertepatan dengan apa yang dikatakan oleh Professor Dr. Asmah Omar iaitu *mereka yang bertutur “Bahasa Dalam” adalah mereka yang bersopan santun dan memiliki budi pekerti mulia (Asmah Omar: 1985)*. Jika dilakar menerusi ‘peta bahasa’, sebilangan besar penutur “Bahasa Dalam” adalah dari kalangan mereka yang tinggal di sepanjang Sungai Brunei di Kampung Ayer. Kampung Ayer telah wujud dan berkembang sejajar dengan kemajuan dan perkembangan negara ini. Walhal di pesisir Sungai Brunei lah mula berdirinya istana yang menjadi pusat pemerintahan dan pentadbiran Negara (Hashim Hamid : 2003). Latar belakang ini mencerminkan golongan yang menyanjung tinggi kedaulatan raja dan sekali gus mempamerkan budaya orang berbangsa. Jarang sekali ada individu yang bermastautin di Kampung Ayer yang langsung tidak mengetahui “Bahasa Dalam”.

6.3 Bersantun dan Berkias

Sesuai dengan namanya, “Bahasa Dalam” adalah bahasa halus dan penuh kesantunan. “Bahasa Dalam” bukan bahasa lontaran atau bahasa yang diucapkan dengan emosi kerana “Bahasa Dalam” banyak menggunakan kata-kata kiasan yang mengandungi makna yang mendalam. Seorang penutur “Bahasa Dalam” tidak melepaskan kata-kata sesuka hati apatah lagi mengucapkan kata-kata yang tidak sepatutnya diucapkan. Penutur “Bahasa Dalam” lebih gemar menggunakan kata-kata kias untuk melapaskan kemarahan. Oleh yang demikian, mereka yang

menjadi sasaran kemarahan orang yang menuturkan “Bahasa Dalam” tidak akan secara spontan merasa tersinggung atau terhina. Mereka tidak akan secepatnya marah akan tetapi tanpa disadari merasa hambatan sindiran yang mengandung makna. Dengan kata lain, penutur “Bahasa Dalam” adalah seorang yang berhemah tinggi yang sentiasa mengawal diri dalam mengeluarkan kata-kata.

6.4 Menutup Keaiban dan Kelemahan

Sebagai bahasa yang berkias dan memiliki makna yang mendalam, “Bahasa Dalam” dapat menjelaskan sesuatu masalah tanpa memalukan atau menyinggung perasaan mana-mana pihak. Jika berlaku masalah yang membabitkan dua pihak, perbualan untuk mendapatkan penjelasan tidak menimbulkan kemarahan atau rasa tersinggung, baik kepada pihak yang ditanya mahupun yang menerima jawapan.

Misalnya seseorang membuat temu janji dengan seorang yang bergelar Pehin pada hari, waktu, dan tempat yang telah ditetapkan. Oleh kerana orang tersebut mengalami masalah di rumah, atau mungkin isterinya belum bersedia melepaskan dirinya pergi kerana banyak hal yang perlu diuruskan di rumah seperti menghantar anak kelas tambahan dan sebagainya, sehinggakan dia terlewat sampai ke tempat yang telah dijanjikan, sedangkan Pehin tadi telah lama menunggu. Sebagai manusia biasa Pehin tersebut tentulah agak marah dan kesal, akan tetapi setelah orang itu sampai, demi tidak menyinggung perasaan orang itu tadi, Pehin menyembunyikan kemarahannya dengan membuat pertanyaan secara lembut, “lambat kita jua. Ada masalah kah?” (Kenapa awak lambat? Ada masalah?).

Untuk menjawab pertanyaan Pehin itu, orang itu tidak akan menjawab dengan menjelaskan masalah yang berlaku di rumahnya, kerana hal tersebut ibarat mendedahkan hal ehwal rumahtangga yang mungkin menimbulkan keaiban bagi dirinya dan juga menyinggung perasaan Pehin (kerana secara tidak langsung dia adalah penyebab orang itu berselisih faham dengan isterinya). Demi tidak mengeruhkan suasana dan persahabatan antara dia dengan Pehin tersebut, memadailah orang itu berkata, “minta maaf kaola Pehin, ada *kekurangan* kaola di

rumah. Dengan menyebut kekurangan di rumah, Pehin tadi tidak lagi akan bertanya apa yang kurang kerana *kekurangan* itu adalah kata simbolik “Bahasa Dalam” yang menyatakan ada masalah dan ketidaksempurnaan.

Begitu juga jika ada keluarga Diraja yang sedang memandu kereta untuk menuju ke suatu tempat menjadi murka (marah) kerana jalan yang dilalui mengalami kerosakan di sana sini menyebabkan dia terpaksa memandu dengan perlahan. Apabila sampai di tempat yang dituju, dia secara kebetulan telah bertemu dengan pihak berkuasa di tempat tersebut. Untuk mengadukan keadaan jalan tersebut, dia tidak akan menampakkan kemurkaan (kemarahannya) dan tidak akan mendedahkan keaiban yang dilihatnya. Dia hanya akan mengeluarkan kata sindiran secara halus, “*payah saya bajalan di jalan itu*” (sukar saya memandu di jalan itu), yang bermakna jalan tersebut rosak, sukar dilalui dan perlu diperbaiki.

6.5 Berkolokasi (Memiliki Padanan)

Sebagai bahasa lembut, santun, dan hormat terdapat beberapa perkataan yang khusus merujuk kepada sifat, perbuatan, dan nama bagi pihak-pihak tertentu. Rujukan khusus ini boleh juga disebut sebagai padanan atau kolokasi. Antara perkataan-perkataan tersebut adalah seperti yang berikut:

6.5.1 Garing

Perkataan yang dikhususkan untuk Sultan atau Raja Isteri bagi menyatakan keadaan mereka sedang sakit (kurang sihat). Adalah tidak sesuai atau tidak berpadanan jika perkataan garing digunakan oleh kerabat diraja yang lain, pembesar negara atau rakyat biasa.

Misalnya:

Oleh kerana baginda masih garing, baginda menitahkan Paduka Anakanda baginda untuk menerima kehadiran tetamu luar negara untuk mengadap.

6.5.2 Bersabda

Perkataan yang khusus untuk menyatakan Putera-Puteri Sultan, Wazir-Wazir dan Cheteria-Cheteria ketika mereka sedang berucap di khalayak ramai atau sedang bercakap dengan seseorang. Adalah tidak sesuai atau tidak berpadanan jika perkataan bersabda digunakan oleh mereka yang bukan dari kalangan Putera-Puteri, Wazir-Wazir atau Cheteria-Cheteria.

Misalnya:

Selaku Penaung kepada Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota bersabda agar sambutan yang dirancang akan benar-benar bermakna untuk diikuti dan disaksikan, disamping merealisasikan penglibatan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini.

6.5.3 Putera-Puteri

Perkataan yang dikhususkan bagi menyebut anak lelaki dan anak perempuan kepada Sultan. Putera adalah untuk anak lelaki dan Puteri untuk anak perempuan. Dalam konteks negara ini adalah tidak bersesuaian dan tidak berpadanan jika perkataan Putera atau Puteri digunakan untuk menyebut nama anak lelaki dan anak perempuan orang kebanyakan.

Misalnya:

Putera sulung kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, manakala Puteri Sulung baginda ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah.

6.6 Memiliki Aurat

Memang menjadi perkara biasa bagi sesiapa sahaja, apabila berada di rumah akan menggunakan bahasa tutur yang lazim dipakai sesama ahli keluarga. Akan tetapi apabila berada di majlis-majlis yang diadakan oleh masyarakat setempat seperti jiran, rakan taulan, kampung, persatuan atau majlis-majlis kenegaraan apatah lagi yang beradat istiadat adalah perlu menggunakan “Bahasa

Dalam” dengan selengkapnya. Maksudnya sama seperti berpakaian, apabila berada di rumah bolehlah berpakaian ala kadarnya sahaja, akan tetapi apabila berada dalam masyarakat perlulah berpakaian selengkapnya. Inilah yang dimaksudkan dengan *Aurat Bahasa*.

Misalnya:

Seorang Pengiran sudah hadir dan duduk di dalam suatu majlis, tiba-tiba dia menerima panggilan telefon meminta agar dia segera balik kerana ada perkara penting yang memerlukan dia berada di rumah. Secara kebetulan duduk bersamanya dalam majlis tersebut adalah adik lelakinya yang juga seorang Pengiran. Sebelum pergi dia lalu berpesan kepada adiknya agar menyampaikan salam kemaafannya kepada tuan rumah kerana tidak dapat menunggu sehingga majlis selesai. Sungguhpun tempat dia berpesan itu adalah adiknya, oleh kerana mereka berada dalam majlis, maka dia perlu menggunakan bahasa yang kemas seperti:- ***Peramba balik dulu, junjung sampaikan salam peramba kepada tuan rumah, peramba meminta maaf kerana tidak dapat menunggu sehingga majlis selesai*** (saya balik dulu, tolong sampaikan salam saya kepada tuan rumah, saya minta maaf kerana tidak dapat menunggu sehingga majlis selesai).

6.7 Bernada Usulan atau Cadangan

Selain menutup keaiban, satu lagi ciri keindahan “Bahasa Dalam” adalah menghargai orang lain dan tidak mementingkan kedudukan. Hal ini dapat dilihat melalui bagaimana “Bahasa Dalam” diucapkan ketika membuat suatu arahan atau suruhan. Sungguhpun maksud sebenarnya adalah mengarahkan atau menyuruh akan tetapi nadanya lebih berupa usulan atau cadangan, bukannya perintah, arahan, atau suruhan.

Misalnya:

Seorang Pengiran yang berjawatan tinggi, kerana terlalu banyak kerja terpaksa menangguhkan dahulu waktu untuk menjemput anaknya pulang dari sekolah. Secara kebetulan dia ternampak seorang kakitangan pejabat yang berjawatan Pembantu Pejabat yang secara kebetulan tidak pulang tengah hari. Dia mencuba meminta tolong sekiranya Pembantu Pejabat tersebut boleh menjemput anaknya balik dari sekolah. Berlangsunglah dialog antara mereka seperti yang berikut:-

Pengiran (Pegawai):

“Assalamualikum Wang. Inda kita Balik?”

(Assalamualikum Wang. Awang tidak pulangkah?)

Pembantu Pejabat

“Waalaiikum Salam. Munkan Ampun Inda Pengiran”.

(Waalaiikum Salam. Tidak Pengiran)

Pengiran (Pegawai):

“Aku pun, inda dapat balik. Ada hal segera perlu siap hari ani jua. Ani ingau lagi ku, anakku balum baambil di sekolah”.

(Saya juga, tidak boleh pulang. Ada kerja yang perlu disiapkan hari ini juga. Sekarang saya lagi risau anak saya belum dijemput dari sekolah)

Pembantu Pejabat

“Kesian jua Ngian”.

(Kasih juga Pengiran)

Pengiran (Pegawai):

“Iatah. Mun kiranya kita belaku, bisai pulang kita menolong mengambilkan anakku itu”.

(Itulah. Kiranya awak boleh, elok juga kalau awak boleh jemputkan anak saya itu).

Pembantu Pejabat

“Bah. Biartah Peramba mengambilkan”.

(Boleh. Izinkan lah saya mengambinya)

Pengiran (Pegawai):

“Bah. Terima kasih”.

Ok. Terima kasih.

7. Bagaimana “Bahasa Dalam” Memperkukuh Keharmonian

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam “Bahasa Dalam” adalah alat yang menjadi kemudahan bagi hubungan (*medium of interaction*) antara semua golongan masyarakat. Kehadiran “Bahasa Dalam” telah mengetepikan jurang dan perbezaan antara ahli masyarakat. “Bahasa Dalam” telah dapat meyakinkan masyarakat bawahan untuk berinteraksi dengan masyarakat atasan khususnya kerabat diraja, keturunan raja, dan orang-orang yang dikurniai gelaran.

Keberadaan “Bahasa Dalam” secara tidak langsung telah membentuk aturan-aturan interaksi yang membawa kepada wujudnya keindahan dan kesempurnaan sistem perhubungan dalam kehidupan. Inilah lambangan ketinggian tamadun bangsa Melayu Brunei. Ketelitian dan kehalusan ungkapan “Bahasa Dalam” menjadikan masyarakat Melayu Brunei sentiasa bergaul dalam keadaan saling hormat menghormati. Budaya saling hormat menghormati menjadikan masyarakat bangsa Melayu Brunei sentiasa berwaspada menjaga aurat berbahasa. Ia juga menggambarkan adab dalam pergaulan itu perlu selalu dijaga dan mendapat keutamaan di mana sahaja.

Kesediaan mengakui, menjaga, dan menghormati perkataan dalam “Bahasa Dalam” seperti *titah, sabda, santap, beradu, garing* dan sebagainya yang memiliki padanan atau kolokasi dengan orang-orang tertentu adalah lambang ketinggian budi masyarakat yang sentiasa bersedia memberikan keutamaan dan penghormatan kepada golongan tertentu, khususnya kerabat diraja. Ini adalah satu gambaran ketaatan kepada raja yang menunjukkan sikap taat kepada pemimpin. Apabila masyarakat dalam sesebuah negara menghormati dan mentaati pemimpin, akan wujudlah kehidupan yang sentiasa harmoni yang membawa kepada kestabilan negara.

Satu lagi keindahan “Bahasa Dalam” adalah *bersantun dan berkias* yang bermaksud tidak menyatakan sesuatu dengan terang-terangan, tetapi dengan lembut dan penuh sindiran yang bermakna sehingga menjadikan sasaran atau lawan bercakap berfikir dan merasa insaf jika ia berbuat salah. Demikian juga jika hendak menyatakan sesuatu yang mungkin menimbulkan keaiban jika dinyatakan dengan terang-terangan. Tertutupnya keaiban dan kelemahan individu

bererti maruah setiap ahli masyarakat sentiasa terpelihara. Ini bermakna tidak ada sikap hina menghina dalam kalangan masyarakat dan faktor inilah juga yang menjamin keharmonian dalam kehidupan.

Sudah menjadi sifat semula jadi setiap manusia, sekalipun dirinya orang bawahan akan merasa tersinggung jika diperlakukan sesuka hati. Akan tetapi jika orang bawahan tadi dihargai (dilayan) dengan selayaknya, apatah lagi layanan sedemikian datang daripada orang yang berkedudukan, dia akan membalas layanan tersebut lebih daripada yang sepatutnya. Semua itu adalah sebagai tanda syukur dan besar hati atas kebaikan yang diberikan oleh orang yang berkedudukan. Beginilah senario yang biasa berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu Brunei yang menggunakan “Bahasa Dalam”. Arahan atau permintaan yang ditujukan kepada orang bawahan disampaikan dengan nada usulan atau cadangan. Inilah keindahan “Bahasa Dalam” yang mengetepikan rasa sombong atau meninggi diri.

8. Kesimpulan

Keindahan “Bahasa Dalam” adalah lambang keperibadian mulia yang diwarisi masyarakat bangsa Melayu Brunei sejak zaman-berzaman. Keindahan tersebut memperlihatkan budaya tutur yang halus, lembut, sopan, dan tertib, hingga mengambil perhatian terhadap kepentingan sesama ahli masyarakat seperti menutup keaiban, tidak sombong (tidak meninggi diri), serta bersedia memberi penghormatan kepada orang-orang yang patut dihormati seperti ibu bapa, orang-orang tua, para pemimpin, dan sebagainya. Perkara inilah yang menjadikan masyarakat bangsa Melayu Brunei seluruhnya sentiasa bersatu padu, bersefahaman, hormat menghormati, perihatin dan bertimbang rasa. Adalah jelas bahawa Keindahan “Bahasa Dalam” Melayu Brunei mewujudkan Keharmonian Bernegara.

RUJUKAN:

Asmah Omar, 1985. *Bahasa Diraja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim Hamid, 2003. *Islam Di Brunei Darussalam: Satu Analisis Sosio Budaya*. Brunei Darussalam: Universiti Brunei Darussalam.

Hidop Samsuddin, 2009. *Budaya dan Adat Istiadat Dalam Kesusasteraan Melayu Brunei*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hidop Samsuddin, 2006. “Tatasusila Mendukung Keharmonian Dan Memangkin Pembangunan dalam Mendukung Kedaulatan Raja – Raja Berdaulat Negara Berkat Rakyat Selamat”, Himpunan Kertas Kerja Seminar Mendukung Kedaulatan Raja Majlis Ilmu 2006, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Kerajaan Brunei, 1959. *Perlembagaan Negeri Brunei 1959*. Brunei Darussalam.

Kerajaan Brunei, 2002. *Adat Istiadat Diraja Brunei*. Brunei Darussalam: Jabatan Adat Istiadat Negara.

Kerajaan Brunei, 2014. *Brunei Darussalam Statistical Yearbook 2014*. Brunei Darussalam: Department Of Statistics Department Of Economic Planning And Development (DEPD), Prime Minister’s Office.